



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 2 MEI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	NASIONAL, SH -6 KEKOSONGAN SEKTOR PERLADANGAN DIISI GRADUAN BSPP, GAYA PENDIDIKAN, UM -23	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5. 6. 7.	ANIMALS CAN GET HEATSTROKE TOO, SAYS EXPERT, NATION, NST -9 EXPERT: ANIMALS ALSO AT RISK OF HEAT STROKE, NATION, THE STAR -8 HAIWAN JUGA TERDEDAH STROK HABA, NASIONAL, SH -9 HAIWAN TURUT BERISIKO ALAMI STROK HABA, NASIONAL, BH -15 HAIWAN PUN BERISIKO KENA STROK HABA, LOKAL, HM -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	ANCAMAN BUBU NAGA TERUS BERLELUASA, RUGIKAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	PERSAINGAN SAYUR IMPORT JEJAS PEKEBUN TEMPATAN, KELANTAN, HAKARAH -H13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14.	AYAM, IKAN MATI KERANA CUACA PANAS, NASIONAL, BH -15 MAIDAM LATIH ASNAF FAKIR MISKIN JADI PETANI CILI FERTIGASI, NEGARA, KOSMO -18 PESAWAH SUNGAI MANIK KECEWA PROJEK LONGKANG KONKRIT BELUM SIAP, DALAM NEGERI, UM -33 TAUKE DURIAN RUGI RM1 JUTA, NEGARA, KOSMO -1 & 2 CUACA PANAS BERPANJANGAN JEJASKAN TANAMAN KONTAN, NEGARA, KOSMO -2	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	6



Ucapan terima kasih kepada semua di atas usaha dan penat lelah membangunkan negara ini sehingga menjadi sebuah negara yang maju, aman dan damai serta dihormati dunia. Buat para petani, nelayan, penternak serta seluruh pekerja dalam sektor pertanian, bekerjalah dengan bersungguh-sungguh. Apa yang kita sedang lakukan hari ini adalah fardu kifayah dan insya-ALLAH pastinya akan diberikan ganjaran oleh ALLAH SWT."



- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohammad Sabu

Kekosongan sektor perladangan diisi graduan BSPP

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamalaysia.com.my

KRISIS guna tenaga dalam sektor pertanian di Malaysia bukan lagi perkara baharu sejak pandemik Covid-19 melanda.

Terbaharu, negara dilaporkan memerlukan lebih 180,000 tenaga kerja asing bagi memenuhi permintaan di sektor berkenaan.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin dalam Sesi Dialog Industri Agromakanan dan Taklimat Khas Penggajian Pekerja Asing Sektor Pertanian pada Februari lalu.

Bagaimanapun, katanya, pengambilan pekerja asing itu hanyalah sebagai penyelesaian jangka pendek kerana dalam tempoh jangka panjang kerajaan mahu sektor itu dikuasai orang muda.

Mengulas mengenai isu itu, Pengerusi Semakan Semula Struktur Kurikulum Bachelor Sains Pengurusan Perladangan (BSPP) di Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. K.S Daljit Singh berkata, keberagantungan tinggi terhadap pekerja asing kurang mahir boleh diatasi oleh lulusan BSPP.

Katanya, mereka kini dalam usaha menyemak semula program itu agar seiring perkembangan semasa termasuk menerapkan elemen seperti keselamatan dan



PELAJAR BSPP didedahkan dengan teknik penuaian tandan buah kelapa sawit.

“Kami ingin menghasilkan graduan yang bukan sahaja tahu mengira jumlah tanaman, tetapi mampu mengajar pekerja-pekerja ladang...”

kesihatan pekerjaan.

Ujarnya, misi UPM adalah untuk melahirkan eksekutif

perladangan yang mahir dalam aspek pengurusan dan pengoperasian di samping mampu menguruskan sumber manusia.

Jelasnya, tawaran yang disediakan itu diyakini mampu membantu melonjak pengeluaran dan pendapatan di sektor berkenaan.

“Kami ingin menghasilkan graduan yang bukan sahaja tahu mengira jumlah tanaman, tetapi mampu mengajar pekerja-pekerja ladang mengenai kesihatan pokok, kesuburan tanah dan keperluan nutrien oleh tanaman.

“BSPP mula ditawarkan kepada pelajar kohort

pertama sesi 2015/2016 dan sehingga kini sudah empat kohort secara keseluruhannya dengan hampir kesemua graduan mendapat tawaran bekerja selepas tamat semester terakhir mereka,” katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut Daljit Singh, pelajar yang mengikuti kursus itu dipilih berdasarkan pencapaian akademik cemerlang dan kebolehan daya tanah dari segi mental dan fizikal.

Hal itu kerana, katanya, mereka bukan sekadar duduk di pejabat, malah perlu turun padang memantau keadaan ladang dan pekerja.


Jelasnya, program BSPP dibentuk hasil perbincangan dan pandangan daripada pihak industri agar kesemua elemen-elemen dimasukkan dalam silibus terutama mengenai pengurusan dan pengoperasian ladang serta sumber manusia di samping hal-hal berkaitan Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO) dan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

Sementara itu, seorang pelajar, Muhammad Firdaus Khairulhafiz berkata, bidang perladangan menawarkan peluang kerjaya yang luas terutama komoditi seperti kelapa sawit dan getah.

“Sebelum ini saya mengikuti kursus Diploma Pengurusan Pertanian dan Perladangan dan berazam untuk melanjutkan pengajian dalam BSPP kerana sedar kepentingan bidang ini dalam menjamin sekuriti makanan negara,” katanya yang menjalani latihan industri di Estet Pamol Barat milik IOI di Kluang, Johor.

Mirhafizah Mirzaman pula terpengkil untuk memberi sumbangan dalam bidang perladangan kerana yakin wanita juga mampu berperanan dalam meningkatkan pertumbuhan industri itu.

Dia yang merupakan pelajar tahun pertama BSPP berharap dapat menarik lebih ramai lagi kaum Hawa untuk menceburi bidang pengurusan perladangan.





Farmer Mohd Khairi Mustafa with his cows at his parched grazing ground in Kuala Krai, Kelantan, yesterday. BERNAMA PIC

Animals can get heatstroke too, says expert

KUALA LUMPUR: The extreme hot weather also puts animals at risk of heatstroke.

Former National Zoo assistant director Associate Professor Datuk Dr Vellayan Subramaniam said like humans, heatstroke could be fatal and damage the internal organs of animals.

"Mammals, reptiles and birds are susceptible to heatstroke. Dogs and cats have very few sweat glands on the soles of the feet and around the nose to sweat, unlike humans whose sweat glands are all over the body," he told Bernama TV.

He said animals in zoos were well cared for during the hot season, with zookeepers providing them enough water to cool their bodies, although problems might

arise because not all animals liked to soak in water, such as cows, buffaloes and elephants.

Dr Vellayan, who is also the National Zoo's former chief veterinarian, said animals with an aversion to water need to be given enough drinking water, aside from being placed in an area with good ventilation.

"For animals that are always in water, like penguins and otters, it is recommended that the pool be supplemented with ice to ensure they stay cool because the temperature of water that does not flow can increase if the heat is scorching," he said.

Dr Vellayan also reminded pet owners to be aware of the health of their animals to avoid heatstroke.

"For pets such as dogs and cats, symptoms include rapid heartbeat, mobility impairment, appearing dazed and confused, salivating a lot, and blue tongue and gums due to lack of oxygen.

"In addition, the animal's temperature will also exceed 42°C, and lack balance or stability when standing on four legs.

"If this happens, the owner needs to stabilise the animal's temperature and take it to the vet immediately because if neglected, it can lead to death," he said.

He said pet owners can ease the symptoms of heatstroke and dehydration by drenching their pets or placing a wet towel on their head, in addition to giving them water to drink and wetting their tongue. **Bernama**

Expert: Animals also at risk of heat stroke

KUALA LUMPUR: The extreme heat that is currently hitting several countries not only affects humans but also poses a risk to animals, which can suffer from heat stroke.

Former Zoo Negara assistant director Assoc Prof Daruk Dr Vellayan Subramaniam said, just like humans, heat stroke could prove fatal and cause damage to the internal organs of animals if not treated immediately.

"All animals that are classified as mammals, reptiles or birds are

also susceptible to heat stroke.

"For example, dogs and cats only have very few sweat glands located on the soles of the feet and around the nose to sweat.

"Unlike humans, sweat glands are distributed almost all over the body," Dr Vellayan, who is also a UiTM Faculty of Pharmacy lecturer in Puncak Alam, told Bernama TV in a special online interview.

He said animals in the zoo were well cared for during the hot seasons, with zookeepers providing

enough water sources for them to wet their bodies.

The former Zoo Negara chief veterinarian said animals with an aversion to water need to be given enough drinking water, aside from being placed in an area with good ventilation.

"For animals that are always in water or immersed, like penguins and otters, it is recommended that the water pool be supplemented with blocks of ice to ensure they stay cool because water that does not flow can also

increase in temperature if the heat is scorching," he said.

Dr Vellayan reminded owners of pets to always be aware of the health condition of their animals to avoid the risk of heat stroke.

"For pets such as dogs and cats, symptoms include rapid heartbeats and mobility impairment.

"They may appear dazed and confused, salivate a lot, and have blue tongues and gums due to a lack of oxygen in the blood.

"In addition, the animal's body

temperature will also exceed 42°C. They will lack balance or stability when standing on four legs.

"If this happens, the owner needs to take the pet to the vet immediately because if neglected, it can lead to death," he said.

He said a pet owner can ease the symptoms of heat stroke and dehydration by drenching the pet's body or placing a wet towel on its head and forehead, in addition to giving it water to drink and wetting its tongue.

Haiwan juga terdedah strok haba

Pemilik perlu sentiasa peka terhadap keadaan kesihatan haiwan mereka

KUALA LUMPUR

Cuaca panas melampau yang kini melanda beberapa negara bukan sahaja memberi kesan kepada manusia, malah menimbulkan risiko kepada haiwan termasuk mengalami strok haba. Bekas Penolong Pengarah Zoo Negara yang juga Pensyarah Fakulti Farmasi Universiti Teknologi Mara, Puncak Alam, Profesor Madya Datuk Dr Vellayan Subramaniam berkata, seperti manusia, strok haba terhadap binatang juga boleh meragut nyawa, selain menyebabkan kerosakan organ dalam haiwan jika tidak mendapat rawatan segera.

"Semua haiwan yang ter-

golong dalam kumpulan mamalia, reptilia mahupun burung turut mengalami strok haba, misalnya anjing dan kucing yang mempunyai kelenjar sangat sedikit terletak di tapak kaki dan sekitar hidung untuk berpeluh, tidak seperti manusia yang senang keluar peluh," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, haiwan di zoo juga perlu dijaga rapi pada musim panas dengan membekalkan air yang secukupnya untuk membasahkan badan, walaupun kadangkala mungkin timbul masalah kerana bukan semua haiwan suka berendam di dalam air seperti lembu, kerbau dan gajah.

Dr Vellayan yang juga bekas Ketua Veterinar di Zoo Negara menjelaskan bagi haiwan yang tidak gemar badannya dibasahkan dengan air, haiwan seperti ini perlu diberikan air minuman secukupnya, selain ditempatkan di kawasan yang mempunyai tahap pengudaraan baik.

"Bagi haiwan yang sentiasa berada dalam air atau berendam seperti penguin dan memarig pula, kolam air disarankan ditambah dengan ketulan air batu



Penternak lembu, Mohd Khairi Mustafa, 34, bingung memikirkan kembunya kini kurus kering susulan cuaca panas musim peralihan monsun telah menyebabkan rumput bertukar warna dan kering akibat kekurangan air di Kampung Kuala Nal, Kuala Krai Kelantan.

bagi memastikan ia sejuk kerana air yang tidak mengalir juga boleh meningkatkan suhunya sekiranya cuaca panas terik," katanya. Selain itu, Dr Vellayan turut mengingatkan pemilik haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing supaya sentiasa peka terhadap keadaan kesihatan haiwan mereka bagi menghindari risiko strok haba.

"Antara simptomnya (strok haba) seperti degupan jantung pantas, kesukaran bergerak, terpinga-pinga dan tidak menentu, menghasilkan banyak air liur serta lidah dan gusi biru kerana kekurangan oksigen dalam darah. Selain itu, suhu badan haiwan ini juga akan melebihi 42 darjah (Celsius), kurang keseimbangan atau kestabilan apabila bangun dengan empat kaki dan jika ini berlaku, pemiliknya perlu stabilkan suhu badan haiwan itu dan bawa kepada doktor haiwan dengan segera

kerana jika diabaikan, ia boleh mendatangkan kematian," katanya.

Menurut Dr Vellayan, pemilik haiwan peliharaan juga boleh meredakan simptom strok haba dan dehidrasi dengan membasahkan badan haiwan peliharaan mereka dengan meletakkan tuala yang basah pada kepala dan dahi selain memberikan air untuk diminum serta membasahkan lidah haiwan.

- Bernama

Ayam, ikan mati kerana cuaca panas

Kegagalan bekalan elektrik punca suhu dalam reban meningkat

Oleh Suraya Ali
dan Nazdy Harun
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Fenomena cuaca panas yang melanda negara ketika ini turut menjejaskan bekalan ayam dan ikan apabila ternakan berkenaan mati berikutan kepanasan melampau.

Perkara itu dialami sendiri beberapa penternak ayam dan ikan di Terengganu yang menanggung kerugian besar apabila ternakan masing-masing mati akibat cuaca panas.

Persatuan Penternak Ayam Selangor menjangkakan gangguan bekalan bakul melanda negara dalam tempoh sebulan

akan datang.

Jurucakapnya berkata, ia berikutan bekalan anak ayam sukar diperoleh.

"Selain sukar mendapat bekalan anak ayam, harganya juga melonjak sekali ganda sehingga mencecah RM3.30 seekor.

"Kos menternak ayam ketika cuaca panas melampau meningkat kerana penternak perlu memasang kipas tambahan dan membayar upah pekerja untuk kerja lebih masa bagi memantau ternakan supaya tidak pengsan atau mati kepanasan," katanya.

Penternak ayam di Dungun, Terengganu, Shafirdaus Mohd Zu, 26, mengingatkan penternak ayam supaya berhati-hati dengan cuaca panas melampau.

Sepanjang 20 tahun keluarganya mengusahakan ternakan ayam, katanya, ini kali pertama mereka terpaksa membuka kanvas yang menutupi reban ayam kerana cuaca terlalu panas.

"Selaraskan suhu di tengah reban untuk mengurangkan ri-

siko kematian ayam akibat kepanasan.


"Selain memasang kipas, penternak boleh cuba membuat sistem pengudaraan yang baik kerana kepanasan akan meningkatkan kandungan ammonia dalam reban, maka reban perlu dibersihkan dan pastikan pengudaraan yang baik supaya ayam kekal sihat," katanya.

Oleh kerana anak ayam tidak sesuai dengan keadaan berangin, tetapi memerlukan suhu selesa, beliau mengusahakan dua jenis reban iaitu berhawa dingin dan terbuka.

Kerugian cecah RM200,000

Penternak ayam di Kemaman, Muhammad Zamani Dawam, menanggung kerugian mencecah RM200,000 apabila hampir 28,000 ekor ayam ternakannya mati kepanasan.

"Walaupun menggunakan sistem reban tertutup dan boleh kawal suhu, kegagalan bekalan elektrik menyebabkan suhu dalam reban meningkat dengan



Penternak menanggung kerugian mencecah RM200,000 apabila hampir 28,000 ekor ayam ternakan mati akibat cuaca panas.

cepat dan dalam masa 20 minit suhu melonjak ke 40 darjah.

"Bekalan elektrik tidak stabil pada hari raya dan pekerja pula tidak datang periksa reban setiap 30 minit," katanya.

Di Kuala Berang, ketua kelompok penternak ikan sangkar di pesisir Sungai Kampung Pantai Ali, dekat sini, Zakaria Ismail, 66, berkata tempoh Mac hingga Jun amat kritikal bagi mereka.

Katanya, seramai 27 penternak ikan air tawar di Sungai Telemong membabitkan 250 sangkar, terkesan apabila paras sungai surut tiga meter dan me-

nyebabkan kekurangan oksigen dalam sangkar hingga menyebabkan ikan mati.

"Ikan besar seberat antara 500 hingga 600 gram ke atas berdepan risiko kematian jika tidak mendapat bekalan oksigen secukupnya.

"Kalau waktu puncak, antara tujuh hingga 15 ikan mati di setiap sangkar," katanya.

Zakaria berkata, proses mencuci jaring sangkar bagi membuang lumpur dan kelodak juga boleh mengurangkan kematian ikan berikutan aliran air melalui sangkar dengan laju dan sempurna.

Haiwan turut berisiko alami strok haba

Kuala Lumpur: Cuaca panas melampau yang kini melanda beberapa negara termasuk Malaysia, bukan sahaja memberi kesan kepada manusia, malah menimbulkan risiko kepada haiwan termasuk mengalami strok haba.

Bekas Penolong Pengarah Zoo Negara yang juga Pensyarah Fakulti Farmasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam, Prof Madya Datuk Dr Vellayan Subramaniam, berkata seperti manusia, strok haba terhadap binatang juga boleh meragut nyawa.

Strok haba juga, katanya, boleh menyebabkan kerosakan organ dalaman haiwan jika tidak mendapat rawatan segera.

"Semua haiwan yang tergolong dalam kumpulan mamalia, reptilia mahupun burung turut mengalami strok haba," katanya.

Beliau memberi contoh, anjing dan kucing mempunyai kelenjar sangat sedikit yang terletak di tapak kaki dan sekitar hi-

dung untuk berpeluh, tidak seperti manusia yang boleh mengeluarkan peluh di setiap segi.

Katanya, haiwan di zoo juga perlu dijaga rapi pada musim panas dengan membekalkan air secukupnya untuk membasahkan badan walaupun kadangkala mungkin timbul masalah kerana bukan semua haiwan suka berendam dalam air seperti lembu, kerbau dan gajah.

Dr Vellayan yang juga bekas Ketua Veterinar di Zoo Negara, menjelaskan bagi haiwan yang tidak gemar badan dibasahkan dengan air, ia perlu diberikan air minuman secukupnya, selain ditempatkan di kawasan yang mempunyai tahap pengudaraan baik.

"Bagi haiwan yang sentiasa berada dalam air atau berendam seperti penguin dan memerang pula, kolam air disarankan ditambah dengan ketulan air batu bagi memastikan ia sejuk.

"Ini kerana air yang tidak mengalir juga boleh

meningkatkan suhu badan sekiranya cuaca panas terik," katanya turut mengingatkan pemilik haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing supaya sentiasa peka terhadap keadaan kesihatan haiwan mereka.

Katanya, pemilik perlu sentiasa peka keadaan haiwan peliharaan mereka bagi menghindari risiko strok haba.

"Antara simptom strok haba seperti gegukan jantung pantas, kesukaran bergerak, terpinga-pinga dan tidak menentu, menghasilkan banyak air liur serta lidah dan gusi biru kerana kekurangan oksigen dalam darah.

"Suhu badan haiwan juga akan melebihi 42 darjah Celsius, kurang keseimbangan atau kestabilan apabila bangun dengan empat kaki. Jika ini berlaku, pemilik perlu stabilkan suhu badan haiwan itu.

"Bawa ke doktor haiwan dengan segera kerana jika diabaikan, ia boleh mendatangkan kematian," katanya. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	HAROAN METRO	LOKAL	18



BURUNG turut mengalami strok haba.



HAIWAN di zoo perlu dijaga rapi pada musim panas dengan membekalkan air secukupnya untuk membasahkan badan.

CUACA PANAS

Haiwan pun berisiko kena strok haba

Bernama

Kuala Lumpur

Cuaca panas melampau yang kini melanda beberapa negara bukan sahaja memberi kesan kepada manusia, malah menimbulkan risiko kepada haiwan termasuk mengalami strok haba.

Bekas Penolong Pengarah Zoo Negara yang juga Pensyarah Fakulti Farmasi Universiti Teknologi Mara (UITM), Puncak Alam, Prof Madya Datuk Dr Vellayan Subramaniam berkata, strok haba terhadap binatang juga boleh meragut nyawa, selain menyebabkan kerosakan organ dalaman haiwan jika tidak mendapat rawatan segera.

"Semua haiwan yang tergolong dalam kumpulan mamalia, reptilia mahupun burung turut mengalami strok haba, misalnya anjing dan kucing yang mempunyai kelenjar yang sangat sedikit yang terletak di tapak kaki dan sekitar hidung untuk berpeluh, tidak seperti manusia boleh keluar peluh di setiap

segi," katanya kepada Bernama TV dalam temu bual khas secara dalam talian.

Pada masa sama, beliau berkata, haiwan di zoo juga perlu dijaga rapi pada musim panas dengan membekalkan air yang secukupnya untuk membasahkan badan, walaupun kadangkala mungkin timbul masalah kerana bukan semua haiwan suka berendam dalam air seperti lembu, kerbau dan gajah.

Dr Vellayan yang juga bekas Ketua Veterinar di Zoo Negara menjelaskan bagi haiwan yang tidak gemar badannya dibasahkan dengan air, haiwan seperti ini perlu diberikan air minuman yang secukupnya, selain ditempatkan di kawasan yang mempunyai tahap pengudaraan baik.

"Bagi haiwan yang sentiasa berada dalam air atau berendam seperti penguin dan memerang pula, kolam air disarankan ditambak dengan ketulan air batu bagi memastikan ia sejuk kerana air yang tidak mengalir juga boleh meningkatkan suhunya sekiranya cuaca panas terik," katanya.

Selain itu, Dr Vellayan



BUKAN semua haiwan suka berendam dalam air, misalnya gajah.

turut mengingatkan pemilik haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing supaya sentiasa peka terhadap keadaan kesihatan haiwan mereka bagi menghindari risiko strok haba.

"Antara simptomnya (strok haba) seperti degupan jantung pantas, kesukaran bergerak, terpinga-pinga dan tidak menen-

tu, menghasilkan banyak air liur serta lidah dan gusi biru kerana kekurangan oksigen dalam darah.

"Selain itu, suhu badan haiwan ini juga akan melebihi 42 darjah (Celsius), kurang keseimbangan atau kestabilan apabila bangun dengan empat kaki dan jika ini berlaku, pemiliknya perlu stabilkan suhu

badan haiwan itu dan bawa kepada doktor haiwan dengan segera kerana jika diabaikan, ia boleh mendatangkan kematian," katanya.

Menurut Dr Vellayan pemilik haiwan peliharaan juga boleh meredakan simptom strok haba dan dehidrasi dengan membasahkan badan haiwan peliharaan mereka dengan meletakkan tuala yang basah pada kepala dan dahinya selain memberikan air untuk diminum serta membasahkan lidah haiwan.

"Semua haiwan dalam kumpulan mamalia, reptilia mahupun burung turut mengalami strok haba"
Dr Vellayan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Ancaman bubu naga terus berleluasa, rugikan nelayan

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulla.com.my

PARIT BUNTAR: Golongan nelayan mengakui pendapatan mereka terjejas berikutan penggunaan bubu naga yang diharamkan bagi menangkap hasil laut semakin berleluasa di perairan Perak termasuk di kawasan perairan Kerian di sini.

Nelayan yang ditemui berkata, meskipun pihak berkuasa sentiasa membuat pemantauan di perairan dan melakukan sitaan bubu naga yang dipasang di laut namun aktiviti itu dilihat tidak pernah berkurangan.

Seorang nelayan yang enggan namanya didedahkan berkata, penggunaan bubu naga yang mempunyai banyak injap bukan sahaja memusnahkan ekosistem dan sumber laut dalam jangka masa panjang malah menjejaskan pendapatan mereka.

Katanya, kehidupan nelayan yang menggunakan pukot hanyut akan terhimpit kerana pukot mereka akan rosak jika tersangkut pada bubu naga.

Jelasnya, ini menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan wang untuk membaiki pukot.

"Penggunaan bubu naga ini akan merosakkan benih hidup



BUBU naga yang dirampas pihak berkuasa dalam operasi di Perak baru-baru ini.

laut dan memberi kesan kepada sumber laut.

"Boleh dikatakan semua hidupan laut tanpa mengira kecil atau besar akan terperangkap dalam bubu naga.

"Pukat naga memberi kesan terhadap ikan kecil dan benih

ikan yang tidak sepatutnya ditangkap apabila ia turut terperangkap," katanya ketika ditemui di Kuala Kurau di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan perlu mengkaji semula kebenaran dalam penjualan bubu naga

kerana sekiranya tidak dicegah dari sudut penjualan, isu penggunaan bubu naga akan sentiasa berlarutan.

Katanya, peralatan itu telah dilarang penggunaannya namun dari segi penjualan ia tidak diharamkan.

Persaingan sayur import jejas pekebun tempatan

Oleh MUHAMMAD ARIF
ISMAIL

KOTA BHARU: Laporan Harakahdaily pengusaha sayur-sayuran di Tanah Tinggi Lojing dan Cameron Highlands terpaksa membuang kira-kira 50 tan hasil pertanian setiap hari turut mendapat perhatian menteri.

Pada akhir Ramadan lepas mereka mendedahkan persaingan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand dan China menyebabkan harga sayuran tempatan jatuh.

Ia memberi kesan terhadap kos operasi kebun, selain berdepan kenaikan harga input pertanian termasuk baja.

Bendahari Persatuan Pengusaha Sayur dan Bunga Bumiputera Lojing, Mohd Rahimi Ibrahim berkata, hampir 1,000 pengusaha sayur-sayuran di kawasan itu termasuk Cameron Highlands terjejas ekoran persaingan harga sayur-sayuran import.

Kata beliau sekiranya kerajaan tidak bertindak segera membendung kemasukan sayur import, ramai petani tempatan bakal menutup operasi.

"Saya berharap Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) datang meninjau situasi di Lojing," katanya di sini baru-baru ini.

Harga timun hijau atau timun Jepun pada akhir Ramadan lepas 30 sen sekilogram dan tomato gred A pun jatuh RM1 sekilogram.

Mohd Rahimi turut menjangka dalam tempoh dua tiga bulan sekiranya kerajaan tidak menghentikan kemasukan sayur-sayuran import, petani di Lojing akan gulung tikar.

Tiga tahun lepas pengusaha sayur tersebut terpaksa membuang



Mohd Rahimi Ibrahim



Khoy See Feng



Pekebun terpaksa membuang sayur-sayuran kerana harga ditawarkan pemborong begitu rendah.

hasil pertanian kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyukar hasil pertanian dipasarkan.

Dan sekarang mereka berdepan pula dengan lambakan sayur-sayuran import dari Thailand dan China.

Pada 24 April lalu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Seri Mohamad Sabu dilaporkan memberitahu pihaknya akan meneliti masalah lambakan sayuran yang berlaku di Tanah Tinggi Lojing sehingga menjejaskan kira-kira 500 pekebun.

Sementara itu seorang pekerja kebun sayur, Karti Munilandy berharap kerajaan mengutamakan produk pertanian tempatan kerana lebih terkawal kandungan bahan kimia.

"Sebaliknya kerajaan lebih utamakan produk dari Thailand dan China, sedangkan hasil pertanian import dipercayai kandungan bahan kimia agak tinggi.

"Sedangkan sayur dari Lojing dan Cameron Highlands dikawal penggunaan bahan kimia sehingga boleh dieksport ke Singapura," ujarnya.

Seorang lagi pengusaha pertanian, Khoy See Feng berkata kenaikan harga sayuran-sayuran tempatan berpunca manipulasi orang tengah atau pemborong.

"Kami khuatir pemborong hanya menjual separuh sayur-sayuran yang diambil dari Lojing untuk mendapat keuntungan lebih apabila harga meningkat di pasaran.

"Sedangkan pemborong mendapat bekalan di kebun harga murah. Selain itu persaingan dengan sayur-sayuran yang diimport dari Thailand dan China," katanya.

Kata beliau juga disebabkan harga murah diambil pemborong menyebabkan hasil pertanian ada yang diberi kepada penduduk dan restoran secara percuma.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	KOSMO	NEGARA	18

Maidam latih asnaf fakir miskin jadi petani cili fertigasi

KUALA TERENGGANU – Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) berhasrat untuk memperkenalkan program usahawan tani bagi melatih golongan asnaf fakir miskin agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Yang Dipertua Maidam, Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, golongan asnaf fakir miskin negeri ini bakal dilatih untuk menceburi penanaman cili secara fertigasi bagi meningkatkan pendapatan mereka.

“Maidam menjalin kerjasama dengan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bagi menjayakan program perintis ini melibatkan peruntukan RM500,000.

“Golongan asnaf fakir miskin yang akan disaring bakal diberi latihan penanaman, penjagaan, penuaian dan pemasaran cili,” katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Setakat ini, seramai 22,023 asnaf fakir miskin di Terengganu menerima bantuan zakat daripada Maidam, peningkatan berbanding 21,197 orang pada tahun lalu.

Shaikh Harun berkata, buat permulaan, setiap peserta diberi tanggungjawab untuk menguruskan kebun cili seluas sekurang-



MAIDAM berhasrat melatih asnaf fakir miskin Terengganu menjadi usahawan tani cili. – GAMBAR HIASAN

kurangnya 1.62 hektar.

Jelas beliau, usahawan tani dalam kalangan asnaf fakir miskin berkenaan akan dipantau pihaknya sehingga dilihat mampu berdikari menguruskan perniagaan agro itu.

“Pada mulanya, mereka bekerja dengan Maidam dengan gaji bulanan RM1,500. Kita akan pantau kemajuan sehingga benar-benar mampu berdikari.

“Ia bagi memastikan objektif

program ini untuk membasmi kemiskinan tercapai. Kita sekadar memberi jalan, sikap dan mentaliti mereka penentu kejayaan,” katanya.

Shaikh Harun berkata, program usahawan tani itu inisiatif Maidam bagi ‘memberi joran’ kepada asnaf fakir miskin berbanding ‘ikan’ semata-mata.

Ujarnya, Maidam sedar pemberian bantuan kewangan hanya penyelesaian jangka pendek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pesawah Sungai Manik kecewa projek longkang konkrit belum siap

PASIR SALAK: Pesawah di kawasan Sungai Manik di sini kecewa berikutan projek pembinaan sistem pengairan menggunakan longkang konkrit untuk sawah mereka yang pembinaannya bermula sejak beberapa tahun lalu, namun masih belum siap.

Antara kawasan sawah padi di Sungai Manik yang terlibat dengan keadaan itu ialah Parit 2, Parit 12, Parit 15, Parit 17 dan Parit 19.

Pesawah yang ditemui berkata, keadaan itu menyebabkan sistem pengairan sawah di situ terjejas tanaman dan keadaan itu turut menjejaskan penghasilan padi pada setiap musim.

Pesawah, Masrup Sunkir, 64, berkata, masalah longkang konkrit yang dibina tidak siap sepenuhnya seperti ada di antaranya yang tiada penutup, tidak dapat mengawal paras air dan tidak dapat mengatasi masalah banjir.

Menurutnya, projek pembinaannya tidak sempurna walaupun sudah lama dilaksanakan.

"Sepatutnya projek ini dibuat sehingga siap, bukan ditinggalkan tanpa siap sempurna. Keadaan ini menjejaskan tanaman dan pendapatan kami.



TAJUDDIN Abdul Rahman menunjukkan kawasan sawah yang terlibat dalam pembinaan sistem saliran longkang konkrit yang belum siap di Sungai Manik semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

"Kami berharap kerajaan segera melihat perkara ini agar projek ini dapat disiapkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, bekas Ahli

Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang meninjau kawasan sawah padi terlibat berkata, sebelum ini kerajaan berbelanja besar untuk melaksanakan projek naik taraf

tali air di kawasan sawah padi di Sungai Manik.

Katanya, dianggarkan kos projek tersebut antara RM200 hingga RM300 juta namun ia masih gagal disiapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2023	KOSMO	MUKA DEPAN	1

TAUKE DURIAN RUGI RM1 JUTA

**30 tan raja buah
termasuk musang king
gugur sebelum masak
akibat dibadai ribut**

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Pemilik kebun durian premium di Balik Pulau di sini terpaksa menanggung kerugian mencecah jutaan ringgit apabila lebih 2,000 pokok raja buah itu terjejas akibat dibadai ribut sejak Khamis lalu.

Kejadian ribut itu mengakibatkan 30 tan durian pelbagai jenis yang masih belum masak gugur dan rosak.

Pemilik kebun, Tan Chee Keat, 32, berkata, dia sendiri mengalami kerugian lebih RM1 juta apabila buah jenis duri

hitam atau *black thorn*, musang king, hor lor, udang merah, 604, D15 dan durian kahwin luruh sebelum tibanya musim durian yang dijadual bermula minggu ini.

Katanya, kemusnahan itu membabitkan 2,000 pokok durian yang ditanam di tanah seluas 40 hektar daripada 93 hektar keseluruhannya.

➤ BERSAMBUNG DI MUKA 2



Tauke durian rugi lebih RM1 juta

DARI MUKA 1

"Jika diikuti, kesemua buah itu dijangka masak dan mula luruh seminggu lagi iaitu pada musim durian pertama awal Mei ini.

"Bagaimanapun, agak malang apabila buah-buah itu gugur sebelum masak elok selain ada dahan yang patah. Kebanyakan saiz buah masih kecil.

"Memang tak sangka, kejadian ribut berlaku secara tiba-tiba ketika cuaca panas terlampau. Ini adalah pengalaman yang jarang-jarang berlaku kepada saya selama mengusahakan kebun durian," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Keat memberitahu, durian muda yang gugur akan dibakar untuk dijadikan baja, manakala buah yang belum masak elok akan disimpan serta diproses menjadi biskut.

"Akibat kejadian ribut ini, setiap pokok hanya tinggal kira-kira 20 hingga 30 peratus buah. Menangis juga lihat buah-buah yang luruh itu dilonggok sebelum masak.

"Kami ingatkan tahun ini ada hasil lumayan, tetapi berlaku sebaliknya. Bencana alam telah merampas impian pekebun untuk bergelar jutawan durian tahun ini. Kami berdepan kerugian yang amat besar," ujarnya.

Bagaimanapun katanya, dia reda dengan apa yang berlaku selain menganggap ia sebagai tiada rezeki dan mengakui bencana merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi dalam pertanian.

"Kejadian ini mungkin menyebabkan tempahan durian pada musim pertama minggu ini terjejas.

"Nampak gaya kena tunggu



DAHAN pokok yang mengandungi buah durian muda turut patah akibat kejadian ribut di sekitar Balik Pulau, George Town baru-baru ini.

musim kedua awal Jun dan ketiga pada pertengahan Julai nanti. Namun, kami sedaya upaya mahu menepati permintaan pelanggan terutama penggemar durian premium," tambahnya.

Sementara itu, seorang lagi pengusaha durian di Balik Pulau yang mahu dikenali sebagai Ah Seng, 45, memberitahu, dia bimbang kemungkinan tidak dapat menunaikan tempahan pelanggan pada musim pertama buah luruh minggu ini.

"Ini kerana, buah durian yang berada di atas pokok kini sedang menjalani proses terakhir sebelum masak dan luruh ke tanah.



PEKERJA mengasing-asingkan buah durian muda yang gugur untuk dijadikan baja.



Kami ingatkan tahun ini ada hasil lumayan, tetapi berlaku sebaliknya. Bencana alam telah rampas impian pekebun untuk bergelar jutawan durian tahun ini. Kami berdepan kerugian amat besar."

KEAT

Angin kuat atau ribut yang mengguncangkan buah di atas pokok menyebabkan durian 'jatuh sakit' dan menjadi kurang manis.

"Ini yang dirisaukan tetapi kami yakin perkara ini dapat diatasi pada musim kedua Jun ini. Ketika ini, kira-kira 30 peratus pelanggan dari China, Hong Kong dan Singapura sudahpun membuat tempahan tiket penerbangan untuk bercuti ke sini.

"Kehadiran mereka semata-mata mahu merasai kenikmatan raja buah premium pada setiap tahun," katanya.

Dalam pada itu katanya, pekebun durian tempatan juga tidak mahu melepaskan peluang untuk menempah durian eksklusif dari dusun Balik Pulau pada tahun ini.

"Kebanyakan mereka terdiri daripada kakitangan syarikat-syarikat korporat dan pengilangan.

"Namun, kami tidak dapat memberi kata putus berhubung jumlah yang dipesan itu disebabkan situasi ribut yang berlaku kali ini benar-benar di luar jangkaan," tambahnya.

Cuaca panas berpanjangan jejakkan tanaman kontan

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Keadaan cuaca panas dengan taburan hujan yang sedikit jika berlarutan terlalu lama boleh menjejaskan hasil tanaman kontan.

Prof. Dr. Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi dari Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi Universiti Malaya (UM) berkata, situasi itu bukan hanya melibatkan sayur-sayuran, malah keseluruhan ekosistem tanaman boleh terjejas.

"Dalam dua bulan panas berpanjangan dengan hujan yang sedikit, banyak tanaman kontan akan terjejas. Hujan tidak dapat memenuhi keperluan air untuk tanaman. Klorofil musnah. Stoma rosak. Siram air pun cepat kering.

"Keseluruhan ekosistem boleh terjejas. Tanaman perlukan cacing, tetapi cacing mati. Tanah berubah jadi keras dan panas. Zat-zat tanah akan terganggu," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Che Wan Jasimah berkata,

penunjuk paling mudah untuk mengetahui sama ada tanah mengandungi air yang cukup untuk tanaman adalah rumput.

Menurut beliau, kalau rumput masih hijau bermakna tahap air masih mencukupi untuk tanaman walaupun cuaca panas.

"Jika rumput kering, itu boleh jejakkan tanaman yang lain sebab rumput tahan panas. Tanaman kontan yang dituai dalam jangka masa pendek seperti sayur, cili.

"Bagaimanapun (di Malaysia) buat masa ini masih okey. Masih

ada hujan, tetapi jika panas berpanjangan selama berbulan-bulan, ia akan memberi kesan," katanya.

Jelas beliau, tidak banyak yang boleh dilakukan oleh petani jika cuaca panas dengan taburan hujan yang sedikit berlarutan terlalu lama.

"Jika kawasan tanaman terlalu luas sukar untuk menutup keseluruhan kawasan dengan jaring. Jika disiram setiap hari pun belum tentu tanaman tidak mati," katanya.



CHE WAN JASIMAH